

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

25 MAC 2019

ISNIN



| AKHBAR            | TAJUK BERITA                            | M/S |
|-------------------|---|-----|
| BERITA HARIAN     | PENGARAH ,PEMANDU LORI DIDAKWA          | 2   |
| BERITA HARIAN     | MINTA SINGAPURA BANTU KESAN SUSPEK      | 3   |
| KOSMO             | SUSPEK PETUALANG SUNGAI KIM KIM DIDAKWA | 4   |
| KOSMO             | 3 DITUDUH CEMAR SUNGAI KIM KIM          | 5   |
| SINAR HARIAN      | 'DALAM MAHKAMAH TAK ADA KIMIA '         | 6   |
| HARIAN METRO      | HAKIM ARAH BUKA 'TOPENG'                | 7   |
| NEW STRAITS TIMES | 'TOXIC RIVER' BOSSES CHARGED            | 8   |
| NEW STRAITS TIMES | 3 CHARGED OVER SG KIM KIM POLLUTION     | 9   |
| THE STAR          | TRIO CHARGED WITH POLLUTING RIVER       | 10  |



# BERITA HARIAN

**PENCEMARAN PASIR GUDANG**

*Benih Hujan  
Isnin - 25/3/19.*

## Pengarah, pemandu lori didakwa

[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM/BH]

➔ 3 tertuduh termasuk warga Singapura berdepan penjara, denda

Oleh **Mohamed Farid Noh**  
farid\_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Tiga lelaki, termasuk seorang warga Singapura dituntut di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas dakwaan melupuskan bahan buangan tercemar secara haram di Sungai Kim Kim, 7 Mac lalu.

Dua daripada lelaki terbabit adalah pengarah sebuah kilang tayar terpakai di Pasir Gudang, manakala seorang lagi pemandu lori kilang berkenaan.

Tertuduh, Wang Jing Chao, 34, warga Singapura, dan Yap Yoke Liang, 36, yang juga pengarah kilang serta N Maridass, 35, pemandu lori kilang berkenaan, masing-masing mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Jailani Rahman.

Jing Chao dan Yoke Liang, dituntut bersubahat dengan N Maridass, melepaskan buangan terjadual, iaitu enap cemar bermi-



Tiga tertuduh dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

nyak di Sungai Kim Kim menggunakan treler tangki tanpa mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar, antara jam 12.01 tengah malam hingga 1 pagi, pada 7 Mac lalu.

### Bersubahat lepaskan buangan terjadual

Maridass pula dituntut atas satu pertuduhan, iaitu didapati melupuskan buangan berjadual, iaitu enap cemar berminyak di Sungai Kim Kim menggunakan treler tangki tanpa mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar antara jam 12.01 tengah malam hingga 1 pagi, 7 Mac lalu.

Semua tertuduh didakwa menigkat Seksyen 34B (1) (a) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang boleh dihukum penjara maksimum lima tahun dan denda tidak lebih RM500,000.

Jailani menetapkan jaminan RM250,000 terhadap Yoke Liang, manakala N Maridass diarahkan jaminan sebanyak RM100,000, masing-masing dengan seorang penjamin dengan pasport Yoke Liang perlu diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, tiada jaminan dibenarkan ke atas Jing Chao yang juga warga Singapura.

Jing Chao dan Yoke Liang di-

wakili peguam, Subramanian Nair, manakala N Maridass diwakili peguam, Rathakrishna. Kes berkenaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Asyraf Kamal.

Terdahulu, Jailani menegur Yoke Liang yang memakai penutup hidung dan mulut di dalam mahkamah.

"Dalam mahkamah tak ada kimia pun. Sila buka topeng kamu," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan 30 April ini bagi sebutan semula kes.

### Kemuka 60 lagi pertuduhan

Sementara itu, pihak pendakwa akan mengemukakan 60 lagi pertuduhan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru hari ini membabitkan kes sama.

Ia membabitkan 15 pertuduhan terhadap sebuah syarikat pemprosesan tayar terpakai di Pasir Gudang.

Sejumlah 15 lagi pertuduhan setiap seorang turut akan dikenakan terhadap tiga pengarah syarikat berkenaan termasuk Jing Chao dan Yoke Liang, yang sudah dituntut dengan satu pertuduhan pagi semalam.

Jailani memerintahkan prosiding ditangguhkan semalam, selepas berlaku masalah teknikal membabitkan kertas pertuduhan dan kekadang masa.

### KRONOLOGI PENCEMARAN PASIR GUDANG

7 MAC 2019

1400 pelajar SK Pasir Putih, SMK Pasir Putih diarah kongsikan kawasan sekolah selepas ada sesak nafas, muntah, pengsan terhidu gas dipercayai dari bahan kimia dibuang ke dalam Sungai Kim Kim.

11 MAC 2019

Kerajaan Johor maklum kerja pembersihan sisa kimia di Sungai Kim Kim bermula.

13 MAC 2019

Semua 111 sekolah di daerah Pasir Gudang diarah tutup. Sejumlah 947 orang dapatkan rawatan kesihatan, 3 individu termasuk dua pemilik kilang ditahan.

14 MAC 2019

2,775 orang awam menerima rawatan kesihatan, 7 di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar kumia sumbang RM1 juta untuk operasi menyelamat, merawat, cegah pencemaran bahan kimia

- Keputusan analisis sampel dari Sungai Kim Kim dapati semua ada palarut organik Benzene, Toluene, Xylene, Ethylbenzene dan D-Limonene.

- Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dapai bantuan tentera, Petronas dari segi jentera, alat, pakar bagi tangani krisis.

- Dewan Rakyat bahas usul tergepang isu pencemaran bahan kimia di Pasir Gudang.

- Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tegaskan tiada keperluan isytihar darurat bencana.

17 MAC 2019

Proses pembersihan Sungai Kim Kim sepanjang 15km selesai.

18 MAC 2019

9 individu ditahan polis, dipercayai insiden buang sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim.


19 MAC 2019

Dua lagi lelaki ditahan, seorang dilepaskan dengan jaminan.

24 MAC 2019

Tiga suspek dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru untuk pendakwaan.

GRAFIK BH





# BERITA HARIAN

## Minta Singapura bantu kesan suspek

**Johor Bahru:** Polis bekerjasama dengan pihak berkuasa Singapura, bagi mengesan seorang lelaki warga republik itu, dipercayai pemilik kilang yang terbabit dengan pencemaran Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd, berkata lelaki berusia 30-an itu sudah diletakkan dalam senarai dikehendaki dan pihaknya kini sedang menunggu bantuan pihak berkuasa Singapura bagi menangkap suspek berkenaan.

Katanya, semalam juga tiga individu, iaitu dua pemilik syarikat berusia 34 dan 36 tahun, termasuk seorang warga Singapura, manakala seorang pemandu lori berusia 35 tahun dituduh di mahkamah.

"Seramai 11 orang sudah ditahan bersabit dengan kes pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, hasil siasatan lanjut dan mendapat arahan pertuduhan terhadap tiga suspek daripada semua ditahan, iaitu dua

pemilik kilang dan seorang pekerja.

"Seorang lagi lelaki Singapura yang diletakkan dalam senarai dikehendaki juga adalah pemilik kilang, kita sedang menunggu bantuan daripada Singapura untuk menangkap lelaki berkenaan.


"Tujuh lagi yang ditahan selepas disiasat, mereka tidak terbabit dengan kes ini dan dibebaskan dengan jaminan polis," katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor di sini, semalam.

### Bidas komen netizen

Mohd Khalil turut mengingatkan pengguna internet supaya tidak 'mengguris hati' pegawai dan anggotanya, konon tangkapan dilakukan itu hanya sandiwara.

"Ramai netizen mengatakan pihak polis 'wayang,' kita tidak wayang, kita buat kerja seikhlas hati dan sebaik mungkin, polis tidak berlakon hendak tangkap orang sesuka hati.

"Kita tangkap mesti ada fakta



Seorang lagi lelaki Singapura yang diletakkan dalam senarai dikehendaki juga adalah pemilik kilang, kita sedang menunggu bantuan daripada Singapura"

**Mohd Khalil Kader Mohd,**  
Ketua Polis Johor


dan jaminan pertuduhan sebelum tuduhan dibuat di mahkamah, polis tidak main 'wayang,' kita buat kerja betul-betul.

"Saya minta janganlah mengguris hati pegawai dan anggota saya yang bekerja bertungkus-lumus membetulkan keadaan demi kesejahteraan Johor," katanya.

Ahad minggu lalu, sembilan suspek ditahan selepas disyaki terbabit dalam kejadian itu, sebelum lapan daripadanya ditahan reman enam hari bermula Isnin.

Seorang daripada sembilan suspek itu pula dilepaskan dengan jaminan polis, selepas pihak polis mendapati mereka tiada kaitan dengan insiden berkenaan.

Pada Selasa pula, dua lagi suspek ditahan selepas disyaki menjadi orang yang bertanggungjawab membenarkan suspek terdahulu, mengangkut sisa bahan kimia untuk proses pembuangan di sungai terbabit.





## KOSMO

# Suspek petualang Sungai Kim Kim didakwa


**3 dituduh buang, lupuskan sisa toksik berbahaya ke dalam sungai**

PENDERITAAN hidup ribuan penduduk Pasir Gudang akibat terhidu udara beracun angka pembuangan sisa toksik ke dalam Sungai Kim Kim sedikit terubat apabila tiga individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor semalam.

Mereka ialah seorang pemandu lori, N. Maridass,

35, serta dua pengarah syarikat kilang memproses tayar terpakai iaitu Yap Yoke Liang, 42, dan Wang Jing Choa, 34, yang dituduh membuang dan bersubahat melupuskan bahan sisa toksik ke dalam Sungai Kim Kim, Pasir Gudang awal bulan ini.

» BERITA DI MUKA 2



MARIDASS (kanan), Jing Choa (tengah) dan Yoke Liang (kiri) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam atas tuduhan mencemarkan Sungai Kim Kim.





# KOSMO

Pemandu lori, dua pengarah berdepan hukuman penjara 5 tahun, denda RM500,000

## 3 dituduh cemar Sungai Kim Kim

Oleh SHARKAWI LONDING

**J**OHOR BAHRU - Seorang pemandu lori dan dua pengarah syarikat kilang memproses tayar terpaksa dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan membuang dan bersubahat melupuskan bahan sisa toksik di dalam Sungai Kim Kim di Pasir Gudang awal bulan ini.

Terdah, N. Maridass, 35, yang merupakan pemandu lori dan dua pengarah syarikat iaitu Yap Yoke Liang, 42, dan Wang Jing Choa, 34, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Jailani Rahman.

Mengikut kertas pertuduhan, Maridass didakwa melupuskan sisa buangan terajual di bawah Kod SW311 iaitu buangan minyak atau enap cemar berminyak seperti dalam senarai Jadual Pertama Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terajual) 2005 ke dalam Sungai Kim Kim.

Yoke Liang dan Jing Choa yang juga warganegara Singapura dituduh bersama-sama bersubahat dengan Maridass melakukan perbuatan terbahit.

Perbuatan itu didakwa dilakukan keserama terduduh menggunakan lori jenis Mitsubishi Semi Treler M/Savit tanpa mendapat apa-apa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti



KERATAN Kosmo 19 Mac 2019.

Alam Sekeliling.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu di kawasan tapak projek pelebaran jambatan Sungai Kim Kim, Jalan Kota Masai 1, Pasir Gudang antara pukul 12 tengah malam hingga 1 pagi pada 7 Mac lalu.

Bagi kesalahan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 34B (1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 34B(4) akta sama, manakala pendakwaan terhadap Yoke Liang dan Jing Choa juga dibaca bersama Seksyen 42 akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, ketiga-tiga terduduh boleh ditukuk penjara maksimum lima tahun dan denda sehingga RM500,000.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Asyraf Md. Kamal memohon tinda jaminan ke atas keserama terduduh memandangkan kes ini menjejaskan kesihatan ribuan penduduk Pa-



MARIDASS (kanan), Jing Choa (tengah) dan Yoke Liang (kiri) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam atas tuduhan membuang dan bersubahat melupuskan sisa toksik di Sungai Kim Kim.

sir Gudang selain menimbulkan ketidbantuan sehingga rakyat memohon mengisytiharkan darurat bencana.

Ragaimanapun, peguam kepada Maridass, Rathakrishna dan peguam G. Subramaniam yang mewakili Yoke Liang serta Jing Choa membantah permohonan Timbalan Pendakwa Raya terbahit dengan alasan anak guam mereka belum lagi disabitkan dengan kesalahan selain memberi kerjasama yang baik dalam kes ini.

Jailani kemudiannya menetapkan jaminan sebanyak RM100,000 dengan seorang penjamin ke atas Maridass dan RM250,000 dengan seorang penjamin ke atas Yoke Liang selain pasport diserahkan kepada

mahkamah. Mahkamah memutuskan tiada jaminan ditetapkan ke atas Jing Choa selain menetapkan 30 April ini untuk sebutan semula kes.

Prosiding untuk 15 pertuduhan ke atas Yoke Liang dan Jing Choa serta seorang lagi pengarah syarikat dan syarikat terbahit melibatkan 60 pertuduhan secara keseluruhan yang sepatutnya dijalankan petang semalam terpaksa ditangguhkan ke hari ini berikutan kesuntukan masa dan masalah teknikal.

Pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim sejak 7 Mac lalu menyebabkan beratus-ratus orang awam termasuk pelajar terjejas akibat sesak nafas.

juga mesti ada dapat jaminan pertuduhan, baru kita tuduh di mahkamah," katanya.

Justeru, beliau meminta netizen supaya tidak menguris hati anggota dan pegawai yang bertanggung jawab untuk menyelesaikan kes itu. - Bernama

### INFO Kronologi bencana udara di Pasir Gudang

**7 Mac** - Seramai 35 mangsa terdiri daripada pelajar dan kakitangan sekolah dikejarkan ke hospital selepas terhidu bau sisa buangan berjadual dipercayai bahan kimia jenis metana yang dibuang di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

**9 Mac** - Jumlah mangsa meningkat kepada 79 orang dan dua buah sekolah ditutup, manakala pihak polis mula membuka siasatan selepas menerima laporan.

**11 Mac** - Tiga lelaki termasuk dua pemilik kilang memproses tayar kitar semula ditahan kerana disyaki membuang sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim.

**13 Mac** - Sebanyak 111 buah sekolah ditutup susulan kejadian pencemaran di Sungai Kim Kim, manakala kerja-kerja pembersihan turut dimulakan oleh pelbagai agensi termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

**14 Mac** - Seorang pengusaha kilang yang ditahan sepatutnya didakwa di mahkamah tetapi pendakwaan tidak dilakukan.

**15 Mac** - Jumlah mangsa meningkat kepada 4,035 orang dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubatan Kimia menubuhkan Jawatankuasa Saintifik bagi membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah selain menangani isu pencemaran Sungai Kim Kim.

**18 Mac** - Polis menahan sembilan lelaki dipercayai terlibat membuang sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim dalam satu operasi khas.

## Polis buru pemilik kilang warga Singapura



**J**OHOR BAHRU - Polis Johor sedang mengesan seorang pemilik kilang warga Singapura bagi membantu siasatan kes melupuskan sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim di Pasir Gudang awal bulan ini.

Ketua Polis Negeri, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd.

(gambar) berkata, lelaki berusia lingkungan 30-an itu kini diletakkan dalam senarai orang dihendaki dan pihaknya telah memohon bantuan pihak berkuasa Singapura untuk menahan lelaki tersebut.


Beliau berkata, lapan daripada 11 individu yang

ditahan sebelum ini bagi membantu siasatan telah dibebaskan dengan jaminan polis setelah didapati tidak terbahit dalam insiden pencemaran sungai.

"Kita buat kerja seikhlas hati. Kita tidak tangkap orang sesuka hati, mesti tangkap dengan fakta, kita

juga mesti ada dapat jaminan pertuduhan, baru kita tuduh di mahkamah," katanya.

Justeru, beliau meminta netizen supaya tidak menguris hati anggota dan pegawai yang bertanggung jawab untuk menyelesaikan kes itu. - Bernama





# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • ISNIN 25 MAC 2019

## NASIONAL

### 'Dalam mahkamah tak ada kimia'

Hakim beri teguran sinis dalam kes tiga lelaki didakwa cemar Sungai Kim Kim

RAZIATUL HANUM A. RAJAK

JOHOR BAHRU

"Kenapa tutup (muka)? Dalam mahkamah tak ada kimia pun. Bukalah."

Demikian teguran sinis Hakim Jailani Rahman ke atas salah seorang daripada tiga tertuduh yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas pertuduhan melupuskan bahan kimia berhampiran Sungai Kim Kim dan bersubahat.

Sewaktu pertuduhan dibacakan ke atas seorang pengarah sebuah syarikat memproses tayar terpakai, Wang Jing Chao, 34, tertuduh ketiga warga Singapura itu mengenaikan tompeng muka di dalam mahkamah.

Selain Jing Chao, turut dituduh melupuskan bahan kimia dan bersubahat ialah pemandu lori, N Maridass, 35, dan seorang lagi pengarah syarikat, Yap Loke Liang, 36.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa melupuskan buangan terajual SW311 iaitu buangan minyak atau enap ce-



FOTO: BERNAMA

Tiga suspek kes pencemaran kimia di Sungai Kim Kim dilingi anggota polis tba di Mahkamah Sesyen Johor Bahru bagi menghadapi pertuduhan semalam.

mar berminyak, seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terajual 2005) ke dalam Sungai Kim Kim.

Maridass didakwa melakukan kesalahan itu dengan menggunakan sebuah lori Mitsubishi dan treler tangki tanpa mendapat apa-apa kelulusan bertulis daripada Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di kawasan berhampiran tapak projek pelebaran jalan Sungai Kim Kim, Jalan Kota Masai 1, Pasir Gudang, antara jam 12.01 dan 1 pagi pada 7 Mac lalu.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Asyraf Md Kamal mengikut Seksyen 34B(1)(a)

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Jika sabit kesalahan, lelaki yang bekerja sebagai mekanik itu berdepan hukuman penjara sehingga lima tahun dan denda tidak melebihi RM500,000.

Jailani membenarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin.

Sementara itu, Loke Liang dan Jing Chao didakwa secara bersinggan atas pertuduhan bersubahat dengan Maridass.

Setelah mendengar hujah kedua pihak, hakim, Jailani membenarkan jaminan RM250,000 dengan seorang penjamin terhadap Loke Liang dan menyerahkan pasport kepada mahkamah manakala Jing Chao tidak dibenarkan dikat jamin.

### KRONOLOGI PENCEMARAN SISA BAHAN KIMIA SUNGAI KIM KIM

- 7 MAC 2019 Seorang pelajar lelaki dilaporkan pengesan, manakala lima lagi muntah dipercayai terhidu gas kimia di kawasan Taman Pasir Putih, dekat Pasir Gudang.
- 7 MAC 2019 Kerajaan Johor mengarahkan SMK dan SK Taman Pasir Putih ditutup.
- 7 MAC 2019 Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor bertindak memastikan tumpahan bahan kimia di Sungai Kim Kim tidak merebak.
- 8 MAC 2019 Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor menyenarai pendek 30 kilang dipercayai terbabat.
- 9 MAC 2019 Jumlah mangsa terhidu gas kepada 79 orang.
- 9 MAC 2019 Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor memeriksa CCTV bagi mengesan mana-mana lori langki yang melalui kawasan sekitar Pasir Gudang menuju ke Sungai Kim Kim.
- 9 MAC 2019 Kerja-kerja pembersihan Sungai Kim Kim bermula.
- 11 MAC 2019 SMK Pasir Putih dan SK Pasir Putih ditutup semula selepas pelajar mengadu sesak nafas.
- 11 MAC 2019 Polis dan JAS menahan tiga suspek yang dipercayai membuang sisa kimia dalam Sungai Kim Kim.
- 12 MAC 2019 Seramai 260 mangsa bahrur melitaban pelajar dan orang awam.
- 12 MAC 2019 SK Tanjung Puteri Resort diarah dikosongkan dan ditutup buat sementara waktu susulan beberapa muntahnya sesak nafas.
- 13 MAC 2019 Kementerian Pendidikan mengarahkan semua 111 sekolah di daerah Pasir Gudang ditutup.
- 13 MAC 2019 Bahan kimia daripada proses penguraian tayar iaitu DiLimonene antara bahan utama dikenal pasti terdapat pada empat sampel air diambil JAS di Sungai Kim Kim.
- 14 MAC 2019 Seramai 2,775 orang awam telah menerima rawatan, tujuh dirawat di ICU. Sebanyak 51 laporan polis diterima.
- 14 MAC 2019 Dewan Rakyat mula membahaskan usul tempam bekalan Sungai Kim Kim.
- 14 MAC 2019 Tim Tanjuu Chemical Biological, Radiological and Nuclear (COBRIN) dan Tim Casualty Evacuation Unit Angkatan Tentera Malaysia (ATM) digerakkan ke kawasan terjejas.
- 14 MAC 2019 Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, meninjau situasi semasa di kawasan Pasir Gudang. Kerajaan Persekutuan menegaskan ia belum sampai kepada tahap perlu disyitharkan danurati.
- 17 MAC 2019 Menteri Tenaga, Sains, teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin mengesahkan Sungai Kim Kim sudah dibersihkan.
- 19 MAC 2019 Jajaran sejauh 1.5 kilometer Sungai Kim Kim disahkan selamat dan bebas pencemaran.
- 19 MAC 2019 JAS mengesahkan kualiti udara di sekitar Sungai Kim Kim dan 42 buah sekolah berdekatan stabil.
- 24 MAC 2019 Tiga tertuduh kes pencemaran Sungai Kim Kim dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru.





# HARIAN METRO

28 setempat

Harian Metro  
25/3/2019  
Isnin

25-03-2019

## Pemilik kilang warga Singapura **diburu** polis

**Johor Bahru.** Polis mengesan seorang lelaki warga Singapura berusia 30-an bagi membantu siasatan kes pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada 7 Mac lalu. Ketua Polis Johor Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, pihaknya bekerjasama dengan polis Singapura bagi menjejaki suspek berkenaan.

HARIAN METRO

Foto HARIS ANUAR RAHIM



TIGA lelaki diteliti polis ketika dihadapkan ke mahkamah bagi menghadapi tuduhan pembuangan enap cemar di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

## Hakim arah buka 'topeng'

■ 3 tertuduh termasuk warga Singapura didakwa lupus enap cemar berminyak ke dalam Sungai Kim Kim

iality Nurul Ain Hussain  
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

"Dalam mahkamah tak ada kimia pun, kenapa nak tutup bukannya," kata Hakim Jailani Rahman.

Beliau mengarahkan pengarah kilang memproses tayar terpalak yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini, semalam supaya membuka penutup hidang dan mulut yang dipakainya ketika menghadapi pertuduhan.

Ketika itu, nama tertuduh lain Wang Jing Chao, 34, yang juga warga Singapura dipanggil untuk dibacakan pertuduhan.

subat dan melupuskan buangan minyak atau enap cemar berminyak ke dalam Sungai Kim Kim.

Bagaimanapun, ketiga-tiga tertuduh menguak tidak bersalah terhadap pertuduhan. Mengukert kertas pertuduhan, pemandu lori N Maridass, 35, yang juga tertuduh pertama didakwa melupuskan buangan terjadual yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 ke dalam sungai berkenaan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan menggunakan lori dan semi triler tanpa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Manakala, tertuduh kedua, Yap Yoke Liang, 42, yang juga pengarah bersama kilang di Pasir Gudang itu didakwa bersubat dengan Maridass dan Wang melakukan per-

## Prosiding ditangguh akibat masalah teknikal

**Johor Bahru.** Prosiding pendakwaan terhadap tiga pengarah kilang memproses tayar terpalak di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, petang semalam ditangguhkan akibat masalah teknikal dan kesuntukan masa.

Ketika dua tertuduh Wang Jing Chao, 34, dan Yap Yoke Liang, 42, sepatutnya dihadapkan ke mahkamah sama dengan 15 pertuduhan setiap seorang.

Bagaimanapun, mereka selaku orang kena saman (OKS) akan dihadapkan ke mahkamah sama, hari ini bersama kilang terbahit dan seorang lagi pengarah membabitkan jumlah keseluruhan 60 pertuduhan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Terdahulu pada sesi pagi, mereka masing-masing didakwa bersubat dengan pemandu lori, N Maridass, 35, kerana melupuskan buangan minyak atau enap cemar berminyak ke dalam Sungai Kim Kim, Jalan Kota Masai 1, Pasir Gudang di sini, antara jam 12.01 tengah malam hingga 2 pagi, 7 Mac lalu.

Hakim Jailani Rahman menangguhkan prosiding pendakwaan itu ke jam 10 pagi hari ini berikutan kesangan masa memandangkan Wang dan Yap perlu dihantar ke lokap.

Selain itu, masalah teknikal turut berlaku berikutan membatikan jumlah pertuduhan yang banyak.

buatkan sama. Sementara, Wang pula didakwa secara berasingan bersubat dengan Maridass dan Yap melakukan perbuatan itu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan berhampiran kawasan tapak projek pelebaran jambatan Sungai Kim Kim, Jalan Kota Masai 1, Pasir Gudang, di sini, antara jam 12.01 tengah malam dan 1 pagi, 7 Mac lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 34B(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 34B(4) akta sama, manakala pendakwaan terhadap Yap dan Wang dibaca bersama Seksyen 42 akta sama.

Ketiga-tiga tertuduh berdepan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda sehingga RM500,000, jika silih kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Asyraf Md Kamal tidak menawarkan sebarang jaminan dan menolak jika ada permohonan iktam jaminan.

Beliau mengemukakan alasan bahawa perbuatan dilakukan tertuduh adalah perkara serius yang menyebabkan pencemaran alam sekitar selain insiden itu menjejaskan ribuan penduduk sekitar Pasir Gudang termasuk pelajar dan murid, selain mendapat perhatian umum.

"Jika dilihat, semua tertuduh juga ditahan di lokap berbeza iaitu di Batu Gajah, Perak. Segamat serta Yong Peng yang mana kita percaya ketika itu mereka cuba lari dan menyembunyikan diri," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan Maridass diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin dan pasportnya perlu diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, mahkamah tidak membenarkan Wang diberi iktam jamin sebelum menetapkan 30 April ini untuk sebutan semula kes.

**FAKTA**  
Ketiga-tiga tertuduh berdepan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda sehingga RM500,000





# NEW STRAITS TIMES

MARCH 25, 2019 | MONDAY  
 PPA13/09/2012 (330687)  
 PENINSULAR MALAYSIA RM 1.20  
 www.nst.com.my

NEW STRAITS TIMES  
 ESTABLISHED 1845

MEDIA PRIMA BHD, MALAYSIA'S TOP CHOICE FOR MOBILE CONTENT • KAJAI AWARD WINNER OF 2014 & 2015

PIC BY HARUL ANUAR RAHIM

## 'TOXIC RIVER' BOSSES CHARGED

» REPORTS ON PAGE 2





# NEW STRAITS TIMES

NewStraitsTimes . MONDAY, MARCH 25, 2019

## 2 NEWS / Story of the day

ENVIRONMENTAL QUALITY ACT 1974

### 3 CHARGED OVER SG KIM KIM POLLUTION

They are accused of disposing of scheduled substance in river

RIZALMAN HAMMIM  
JOHOR BARU  
cnews@nstp.com.my

“THERE are no chemicals in court, so why are you wearing a mask? Remove it!”

This was the stinging rebuke by judge Jaflani Rahman towards the director of a used tyre processing factory, who was wearing a disposable mask in court for his charge proceedings at the Sessions Court here yesterday.

The accused, Wang Jing Chao, 34, a Singaporean, was being called out for the charge to be read out.

Wang was the last of three people brought to court over charges of collusion and of disposing of scheduled substance into Sungai Kim Kim.

Wang and Yap Yoke Liang, 36, who is also a director of the Pasir Gudang factory, as well as lorry driver N. Maridass, 35, pleaded not guilty to the charges.

Yap and Wang were accused of colluding with Maridass to dispose of a scheduled substance in Sungai Kim Kim using a tanker trailer without the approval from the director of the Department of Environment between 12.01am and 1am on March 17.

Maridass is accused of disposing of the substance into Sungai Kim Kim.

They were charged under Section 54B(1)(a) of the Environmental Quality Act 1974, which carries a maximum of five years' jail and a fine of not more than RM500,000



Personnel involved in the cleaning up of Sungai Kim Kim collecting soil samples in Pasir Gudang recently. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

upon conviction. Deputy public prosecutor Mohamad Asyraf Md Kamal did not offer bail, and submitted his objection to any bail application by the accused.

He said they were accused of committing serious actions that had led to severe environmental pollution, which affected the lives of thousands of people in Pasir Gudang, including schoolchildren.

“All the accused were arrested in different locations — Batu Gajah in Perak and Segamat and Yong Peng in Johor — which, we believe, was because they were trying to run and hide,” he said.

Jaflani set bail for Yap at RM240,000 with one surety, while Maridass' bail was set at RM100,000 with one surety. He ordered Yap to surrender his passport to the court.

The judge, however, denied bail for Wang. Jaflani set April 30 for mention of the case.

Yap and Wang were represented by counsel G. Subramanian Nair, while Maridass was represented by counsel Rathakrishna.

The court postponed further charge proceedings against Wang and Yap, who were supposed to have been hit with another 15 charges each under

the Environmental Quality Act 1974.

The judge postponed the proceedings to today following time and technical constraints, given the large number of charges involved.

Page 1 pic: The three accused of the illegal disposal of chemicals in Sungai Kim Kim at the Sessions Court in Johor Baru yesterday.

### Police looking for Singaporean businessman linked to case

JOHOR BARU: Police are looking for a Singaporean suspect in his 30s to assist in investigation into the toxic pollution of Sungai Kim Kim in Pasir Gudang early this month.

Johor police chief Datuk Mohd Khalil Kader Mohd said state po-

lice would work with their Singapore counterparts to track down the man.

He said the man was a businessman, and was believed to be one of the owners of a factory involved in the dumping of toxic waste into the river.

“We are tracking down the man and will conduct further investigations into the case.”

“We understand that three men, including a Singaporean, were charged in court today (yesterday),” he said at the state police contingent headquarters

here on yesterday.

Khalil said the three charged yesterday were among 11 suspects, including factory operators and workers, who carried out the dumping.

He said seven suspects, who were detained earlier, had

been released.

“We hope that the people, especially Netizens, will give us room to conduct our investigations.

“We cannot make any arrest unless there is clear evidence,” he said.





## Singapore's help sought to find Sungai Kim Kim pollution suspect

By REMAR NORDIN  
newsdesk@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Johor police are working with their Singaporean counterparts to track down a man in his 30s in connection with the Sungai Kim Kim chemical waste pollution case.

The man is believed to be the owner of a used tyre-processing company allegedly involved in the pollution incident in Pasir Gudang.

State police chief Comm Datuk Mohd Khalil Kader Mohd said the man was on the wanted list and police were waiting for the Singaporean authorities to arrest him.

He added that seven out of the 11 people detained in relation to the Sungai Kim Kim toxic waste dumping had been released on police bail after investigations revealed that they did not have any relation to the case.

However, three others were charged in court yesterday under Section 34B(1)(A) of the Environment Quality Act 1974.

Comm Mohd Khalil also called on the public, especially netizens, to be patient as the police were trying their best to bring those involved to justice.

"The most important thing is we have managed to apprehend the

three main suspects in this case," he said at a press conference at the state police headquarters here yesterday.

"This shows there has been a development in the case and we hope that the people will give us room to conduct our investigation.

"The police cannot just arrest a person without proper conduct, investigation and evidence," he said in response to accusations by some people that the police did not do their job properly.

"Many netizens claimed that the police were just putting on a show regarding the case.

"We work conscientiously and do

the best we can.

"We do not simply arrest anyone, we only do it based on facts, and when we make the arrests, we also make sure that our case is air-tight, only then will we charge them in court.

"So, I urge netizens not to hurt the feelings of my officers and personnel, who have been working hard to rectify the situation for the well-being of the people of Johor," he said.

A total of 5,848 children and adults have been treated at clinics and hospitals since March 8 due to the toxic waste pollution at Sungai Kim Kim.

“We do not simply arrest anyone, we only do it based on facts, and when we make the arrests, we also make sure that our case is air-tight, only then will we charge them in court.”

“So, I urge netizens not to hurt the feelings of my officers and personnel, who have been working hard to rectify the situation for the well-being of the people of Johor.”

“So, I urge netizens not to hurt the feelings of my officers and personnel, who have been working hard to rectify the situation for the well-being of the people of Johor.”

## Trio charged with polluting river

Malaysians and Singaporean face five years in jail and RM500,000 fine

By MOHD FARHAAN SHAH  
and VENESA DEVI  
newsdesk@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Two directors and a lorry driver of a used tyre-processing company were charged in the Sessions Court here over the chemical dumping incident at Sungai Kim Kim in Pasir Gudang.

The three accused are Singaporean Wang Jin Chao, 34, and Malaysians Yap Yoke Liang, 36, and lorry driver N. Maridass, 35.

According to the charge sheet, Maridass is accused of illegally disposing of chemicals into Sungai Kim Kim on March 7, while Wang and Yap are accused of conspiring with him.

All three were charged under Section 34B(1)(a) of the Environment Quality Act 1974.

Yap and Wang were also charged under Section 42 of the same Act. If convicted, they can be jailed up to five years and fined a maximum of RM500,000.

The three men pleaded not guilty when the charges were read before judge Jailani Rahman who then imposed a bail of RM100,000 on Maridass and RM250,000 on Yap in one surety each.

Yap was also ordered to hand over his passport while Wang was not offered bail as he is a foreigner.

The two Malaysians did not post bail.



Meanwhile, in the same court, the company, together with Yap, Wang and another director, who has yet to be arrested, were slapped with a total of 60 charges.

They were accused by the Department of Environment (DoE) of committing 15 offences.

However, Jailani postponed the case to 10am today due to a technical issue arising from the details in the DoE charge sheet, despite the prosecution wanting the case to proceed.

"I can wait until 6pm, 7pm or even 10pm, but I pity my court interpreters who have to wait here," he said, reprimanding the DoE for the technical glitch in the charge sheet.

Jailani then postponed the case while Yap and Wang were sent to the Ulu Choh remand centre.

Deputy Public Prosecutors Mohamad Asyraf Md Kamal and Farra Nor Azura Jumuddin prosecuted while lawyer G. Subramaniam Nair represented Yap and Wang.

Maridass was represented by S. Rathakrishnan.



**Facing justice:** The three suspects, two Malaysians and a Singaporean, are taken to the Sessions Court in Johor Baru to be charged. All of them pleaded not guilty.

Watch the video  
[thestartv.com](http://thestartv.com)

